



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL. 66 / 2020

URUSAN PILIHAN RAYA KECIL (PRK) PARLIMEN P.185 BATU SAPI, SABAH

1. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah menerima pemakluman rasmi daripada **YB Datuk Azhar Azizan Harun, Yang di-Pertua Dewan Rakyat** pada **6 Oktober 2020**, berhubung dengan kekosongan luar jangka kerusi Parlimen P.185 Batu Sapi, Sabah berikutan penyandangnya mendiang **YB Datuk Liew Vui Keong** yang telah meninggal dunia pada **2 Oktober 2020 (Jumaat)**.

2. Sehubungan dengan itu, SPR telah mengadakan Mesyuarat Khas pada hari ini dan menetapkan bahawa satu Pilihan Raya Kecil (PRK) perlu diadakan dalam tempoh 60 hari dari tarikh kekosongan selaras dengan **Perkara 54 Fasal (1) Perlembagaan Persekutuan** bagi mengisi kekosongan di kerusi Parlimen berkenaan.

3. Bagi maksud menjalankan PRK ini, SPR telah menetapkan tarikh-tarikh penting seperti yang berikut :

Hari Penamaan Calon : 23 November 2020 (Isnin)

Hari Mengundi Awal : 1 Disember 2020 (Selasa)

Hari Mengundi : 5 Disember 2020 (Sabtu)

4. Tempoh berkempen yang ditetapkan adalah **12 hari** bermula selepas pengisytiharan calon-calon yang bertanding sehingga pukul **11.59 malam, 4 Disember 2020 (Jumaat)**.
5. Bagi urusan permohonan undi pos luar negara dan dalam negara, tarikh buka dan tarikh tutup permohonan adalah seperti berikut :

Tarikh Buka	13 Oktober 2020 (Selasa)
Tarikh Tutup Borang 1A (Petugas Pilihan Raya, Anggota Polis, Anggota Tentera, dan Petugas Media)	19 November 2020 (Khamis)
Tarikh Tutup Borang 1B (Luar Negara)	12 November 2020 (Khamis)
Tarikh Tutup Borang 1C (Sektor Keselamatan & Kesihatan)	12 November 2020 (Khamis)

6. Bagi proses Pilihan Raya Kecil ini, **Puan Faridah binti Giau, Timbalan Presiden I, Majlis Perbandaran Sandakan** dilantik sebagai **Pegawai Pengurus Pilihan Raya Kecil Parlimen P.185 Batu Sapi, Sabah**. Beliau akan dibantu oleh **lima (5) orang Penolong Pegawai Pengurus**.
7. SPR juga bersetuju menubuhkan **Dua (2) Pasukan Penguat Kuasa Kempen Pilihan Raya (PP-KPR)** untuk memantau semua aktiviti kempen pilihan raya sepanjang tempoh rasmi berkempen. Pasukan PP-KPR ini akan dianggotai oleh wakil-wakil daripada pihak Polis, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan wakil-wakil calon yang bertanding.
8. **Pusat Penamaan Calon (PPC) dan Pusat Penjumlahan Rasmi Undi (PPRU)** adalah di **Auditorium, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Sabah, Sandakan** manakala **Pusat Pengiraan Undi Awal dan Pusat Pengiraan Undi Pos** adalah di **Dewan Jati, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Sabah, Sandakan**.
9. Untuk memudahkan proses penamaan calon, SPR menyeru kepada bakal-bakal calon yang ingin bertanding

dalam PRK P.185 Batu Sapi Sabah, agar mengisi dan membuat semakan awal pengisian borang tersebut dengan Pejabat Pegawai Pengurus atau Pejabat Pilihan Raya Negeri Sabah sebelum Hari Penamaan Calon. Selain itu bakal-bakal calon juga adalah dicadangkan untuk membuat pembayaran deposit lebih awal. Ini adalah bertujuan untuk memastikan semua proses penamaan calon dapat diselesaikan lebih awal dan berjalan lancar.

10. Walau bagaimanapun, adalah diingatkan bahawa Kertas Penamaan Calon yang telah lengkap diisi dan disemak oleh Pejabat Pegawai Pengurus itu hendaklah dikemukakan oleh Calon atau penyokong atau pencadangnya semasa Hari Penamaan Calon di Pusat Penamaan Calon yang telah ditetapkan oleh SPR.
11. Proses penyerahan borang Kertas Penamaan akan berlangsung seperti mana proses penamaan calon sebelum ini namun semua calon tidak lagi dibenarkan berarak bersama para penyokong masing-masing atau mengadakan sebarang aktiviti berkumpulan. Hanya calon, seorang pencadang calon dan seorang penyokong calon sahaja dibenarkan memasuki pusat penamaan calon.

12. SPR telah menyediakan satu **Garis Panduan Pencegahan COVID-19 Bagi Pelaksanaan Pilihan Raya selaras dengan Akta 342**. Bagi PRK P.185 Batu Sapi, SPR akan mencadangkan penambahbaikan garis panduan tersebut dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang sedang berkuat kuasa.
13. Perkara yang diketengahkan adalah pematuhan kepada **penjarakan fizikal, pemakaian pelitup separuh muka (face mask), penggunaan pensanitasi tangan (hand sanitizer), proses saringan suhu badan dan merekodkan kehadiran** bagi semua aktiviti serta proses yang berkaitan dengan pilihan raya.
14. Pematuhan Garis Panduan Pencegahan COVID-19 ini akan dikuatkuasakan dengan ketat di semua proses pilihan raya iaitu taklimat petugas, proses penamaan calon, proses cetakan dan semakan kertas undi, pengeluaran dan pengiraan kertas undi pos, semakan isi peti undi, sepanjang tempoh berkempen, hari mengundi dan penjumlahan rasmi undi.
15. Bagi penambahbaikan aktiviti berkempen, SPR mencadangkan calon atau parti hanya dibenarkan untuk

membuka satu (1) Bilik Jawatankuasa (Bilik Gerakan Utama) sahaja manakala Bilik Gerakan Kecil atau tempat perkumpulan lain bagi calon atau parti **TIDAK DIBENARKAN**. Penganjuran sebarang bentuk **ceramah** atau **syarahan** bagi tujuan berkempen oleh mana-mana pihak atau parti politik sepanjang tempoh berkempen adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

16. Begitu juga aktiviti **ziarah** oleh calon atau penyokong parti ke rumah-rumah pengundi dan **walkabout** adalah **TIDAK DIBENARKAN**. Calon boleh berkempen secara atas talian atau melalui saluran media sosial dan pengedaran risalah kempen secara pos.
17. Seramai **837 orang petugas** akan dilantik bagi mengendalikan proses PRK P.185 Batu Sapi, Sabah. Manakala sebanyak **13 buah Pusat Mengundi** yang mengandungi **67 Tempat Mengundi (Saluran)** dan **3 buah Pusat Mengundi Awal** meliputi **5 Tempat Mengundi (Saluran) Awal** akan digunakan. PRK ini dianggarkan memerlukan peruntukan sebanyak **RM5 juta**.
18. **Daftar Pemilih Pilihan Raya (DPPR)** yang akan digunakan untuk PRK P.185 Batu Sapi ini adalah **Daftar**

Pemilih Terkini sehingga Daftar Pemilih Tambahan ST2/2020 yang dikemaskini sehingga **6 Oktober 2020**. DPPR tersebut mengandungi **32,962 orang pengundi** yang terdiri daripada **31,152 orang pengundi biasa**, **672 orang tentera serta pasangan** dan **1,138 orang polis serta pasangan Polis Pasukan Gerakan Am (PGA)**. DPPR tersebut dijadualkan akan mula dijual pada **2 November 2020 (Isnin)**.

19. SPR akan turut menghantar **Kad Pengundi (Voter's Card)** kepada semua pengundi. *Voter's Card* ini mengandungi maklumat Pusat Mengundi, Saluran Mengundi, Nombor Bilangan Pengundi, Tarikh, Masa Pengundian dan Cadangan Masa Keluar Mengundi yang digalakkan. Ia akan memudahkan pengundi untuk mengetahui maklumat pengundian mereka dan melancarkan lagi proses pada hari mengundi serta membantu dalam pematuhan penjarakan fizikal di pusat-pusat mengundi selari dengan langkah-langkah kawalan penyebaran wabak COVID-19 sebagaimana yang dinasihatkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
20. Mulai tarikh **2 November 2020 (Isnin)**, para pengundi boleh membuat **semakan Daftar Pemilih** untuk

mengetahui maklumat pusat mengundi, saluran mengundi dan nombor bilangan mereka melalui laman portal SPR **pengundi.spr.gov.my** atau menelefon ke talian **03-88927018** atau melalui **SMS 15888** atau melalui aplikasi **MySPR Semak**.

21. Bagi menggalakkan pengundi supaya keluar menunaikan tanggungjawab mereka pada hari mengundi, SPR akan melaksanakan kempen `Jom Kita Undi` melalui pelbagai saluran media termasuk di media elektronik, media sosial, media cetak, hebahan melalui siar raya dan pemasangan kain rentang di lokasi-lokasi strategik seperti di tempat-tempat tumpuan awam, hentian bas dan lain-lain tempat yang bersesuaian.
22. SPR mensasarkan **70 peratus pengundi** akan keluar mengundi. SPR juga memohon kerjasama semua pihak termasuk pihak media dan parti-parti politik agar turut mengambil langkah untuk menyeru dan menggalakkan pengundi supaya keluar mengundi.

23. SPR juga akan meneruskan penambahbaikan seperti berikut:
 - a. Menyediakan saluran khusus bagi pengundi yang berumur 60 tahun dan ke atas di setiap Pusat Mengundi; DAN
 - b. Menyediakan kemudahan kepada pengundi-pengundi Orang Kurang Upaya (OKU) yang akan mengundi di Saluran 1. Pada PRK ini seramai **304 orang pengundi OKU** telah dikenal pasti dan mereka adalah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).
24. Di samping itu, SPR juga akan memanjangkan tempoh masa pengundian selama 30 minit dari jam **7.30 pagi hingga 5.30 petang** berbanding sehingga jam 5.00 petang pada PRU DUN Sabah ke-16.
25. Maklumat-maklumat lain berhubung dengan pilihan raya kecil ini, terutamanya mengenai Garis Panduan Pencegahan COVID-19 yang mengambilkira pandemik COVID-19 akan dimaklumkan dari semasa ke semasa oleh SPR.

Sekian dan terima kasih.



DATUK ABDUL GHANI SALLEH
Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

Tarikh : 13 Oktober 2020 / 25 Safar 1442H